

Tarikh :

Kepada :

(Nama & Alamat/Cop Syarikat)

Tuan/Puan,

Persetujuan Penzahiran Maklumat Kredit

Saya/Kami memberi persetujuan kepada anda dan CTOS Data Systems Sdn Bhd (CTOS), agensi pelaporan kredit yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 (APK) untuk memproses data peribadi syarikat saya/kami seperti yang ditakrifkan bawah Akta APK dan Akta Bank Pusat Malaysia 2009.

Dengan persetujuan ini, saya/kami memahami dan bersetuju bahawa:

- i. Anda boleh membuat pemeriksaan kredit/perdagangan termasuk CCRIS terhadap saya/kami dan terhadap pengarah, pemegang saham, penjamin, dan lain-lain, sekiranya persetujuan telah diberikan oleh setiap individu tersebut, dengan pihak CTOS pada bila-bila masa selagi saya/kami mempunyai hubungan perdagangan dengan anda atau mempunyai sebarang tunggakan yang belum dijelaskan dengan anda, untuk sebarang tujuan seperti di bawah:

✓ Pembukaan akaun	✓ Pemantauan kredit/akaun
✓ Pemulihan hutang	✓ Penilaian kredit/akaun
✓ Kajian kredit/akaun	
✓ Dokumentasi undang-undang berikutan kontrak atau kemudahan yang diberikan oleh anda.	
- ii. Anda boleh mendedahkan sebarang maklumat mengenai saya/kami atau maklumat akaun saya/kami dengan anda, kepada mana-mana entiti perniagaan untuk pemeriksaan perdagangan pada bila-bila masa. Saya/Kami juga sedar dan memahami bahawa maklumat tersebut akan diberikan kepada CTOS, yang kemudiannya juga boleh berkongsi maklumat tersebut kepada para pelanggan mereka.
- iii. Sekiranya maklumat permohonan saya/kami perlu diproses oleh mana-mana pusat pemprosesan yang bertempat di luar Malaysia (termasuk Ibu Pejabat anda), saya/kami dengan ini memberi kebenaran kepada CTOS untuk mendedahkan laporan kredit saya/kami kecuali maklumat CCRIS kepada lokasi tersebut di luar Malaysia.
- iv. Selain itu, saya/kami yang bertandatangan di bawah memberi persetujuan kepada anda dan CTOS untuk memproses data peribadi saya/kami seperti yang ditakrifkan bawah Akta Pelindungan Data Peribadi 2010.

Ditandatangani oleh

Nama:
No KP Baru:
Jawatan:
No Tel Bimbit:
Cop Syarikat:
(jika ada)

Ditandatangani oleh

Nama:
No KP Baru:
Jawatan:
No Tel Bimbit:
Cop Syarikat:
(jika ada)